

BAB IV

LAPORAN PENYELIDIKAN DAN ANALISA DATA

Sebagaimana yang telah disetutkan di dalam bab 1, Pendahuluan, penulis telah memaparkan masalah-masalah yang menjadi objek penelitian di dalam kajian ini adalah seperti berikut:

1. Bagaimanakah sejarah perkembangan Dikir Barat telah bermula di negeri Kelantan.
2. Bagaimanakah bentuk-bentuk permainan Dikir Barat ini. Adakah ianya bertepatan dengan kesenian Islam dari segi corak permainannya, jenis-jenis lagu ataupun temanya dan juga matlamat permainan Dikir Barat itu sendiri.
3. Bagaimanakah pandangan Islam tentang permainan Dikir Barat ini, apabila ditinjau dari semua aspek.

Berdasarkan kepada perumusan masalah yang telah disebutkan di atas tadi, penulis telah mengadakan penelitian, dengan menggunakan metod dokumentasi, interwiew dan observasi untuk mendapatkan fakta-fakta tentang permasalahan ini.

A. Masalah pertama

Adapun masalah pertama yang menjadi objek penelitian dalam kajian ini ialah tentang sejarah perkembangan Dikir Barat. Penulis berusaha untuk mendapatkan jawapan yang tepat terhadap masalah ini.

Kelantan sememangnya sebuah negeri yang kaya dengan kesenian dan kebudayaan. Tidak salah jika dikatakan bahawa negeri Cik Si

ti Wan Kembang sebagai gedung kesenian, kebudayaan dan pelancongan di negeri ini.¹ Permainan Dikir Barat merupakan satu teater tradisional yang paling digemari oleh masyarakat Melayu Kelantan dan selatan Siam. Ianya adalah permainan yang paling baru jika dibandingkan dengan permainan tradisional yang lain. Perkenbangannya sekar diatasi kerana ia telah berubah dari masa ke masa mengikut perkembangan zaman. Beberapa pendapat telah memperkatakan tentang asal usul permainan Dikir Barat ini.² Ianya dikatakan bermula di Kelantan pada tahun-tahun 1940an.

Dikir Barat dikatakan berasal dari Pulau Kerangga iaitu satu daerah di Marathivat di Selatan Siam. Ia telah dibawa masuk oleh seorang yang bernama Pak Sa yang berasal dari Pulau Kerangga pada tahun 1931. Tetapi Pak Sa telah ditangkap oleh seorang pegawai kagwan, kerana masuk tanpa pasport dan menyeludup barahg-barang. Beliau kemudiannya dipenjarakan dan setahun selepas itu, beliau telah memperkenalkan Dikir Barat kepada orang-orang Kelantan.³

Ada juga yang mengatakan Dikir Barat berasal dari permainan budak-budak gembala lembu. Dalam tahun 1930an terdapat ramai penyuri-penyuri lembu berkeliaran di padang rumput. Kerana takutkan perompak-perompak tersebut, maka budak-budak gembala lembu itu berkumpul dan berdirikir beramai-ramai. Tetapi pendapat ini sekar dite-

¹Berita Harian, Kuala Lumpur, 16hb. Mac 1985, m.s. 1.

²Harian Nasional, Kuala Lumpur, 28hb. Jun 1984, m.s. 1.

ti Wan Kembang sebagai gedung kesenian, kebudayaan dan pelancongan di negeri ini.¹ Permainan Dikir Barat merupakan satu teater tradisional yang paling digemari oleh masyarakat selaya Kelantan dan selatan Siam. Ianya adalah permainan yang paling baru jika dibandingkan dengan permainan tradisional yang lain. Perkembangannya sekarang diatasi kerana ia telah berubah dari masa ke masa mengikut perkembangan zaman. Beberapa pendapat telah memperkatakan tentang asal usul permainan Dikir Barat ini.² Ianya dikatakan bermula di Kelantan pada tahun-tahun 1940an.

Dikir Barat dikatakan berasal dari Pulau Kerengga iaitu satu daerah di Narathivat di Selatan Siam. Ia telah dibawa masuk oleh seorang yang bernama Pak Sa yang berasal dari Pulau Kerengga pada tahun 1931. Tetapi Pak Sa telah ditangkap oleh seorang pegawai kawanan, kerana masuk tanpa passport dan menyeludup barang-barang. Beliau kemudiannya dipenjarakan dan setahun selepas itu, beliau telah memperkenalkan Dikir Barat kepada orang-orang Kelantan.³

Ada juga yang mengatakan Dikir Barat berasal dari permainan budak-budak gembala lembu. Dalam tahun 1930an terdapat ramai penyuri-penyuri lembu berkeliaran di padang rumput. Kerana takutkan perompak-perompak tersebut, maka budak-budak gembala lembu itu berkumpul dan berdirikir beramai-ramai. Tetapi pendapat ini sekarang dite-

¹ Berita Harian, Kuala Lumpur, 16hb. Mac 1985, m.s. 1.

² Harian Nasional, Kuala Lumpur, 28hb. Jun 1984, m.s. 1.

³ Ibid.

rima, kerana pendapat ini terdapat peniruan orang-orang dewasa terhadap kanak-kanak dan ini bertentangan dengan kepercayaan sosiologi dan antropologi khasnya mengenai etnisalisasi dan enkulturasi.⁴

Ada juga yang mengatakan ia berasal dari Pulau Tebu dan dibawa serta diasaskan di Kelantan oleh seorang yang bernama Mak Nab Lombong di akhir tahun 1930an atau awal 1940an. Sewaktu beliau memperkenalkan Dikir Barat ini, orang menganggap sebagai satu hasil seni yang baru, kerana iramanya boleh disesuaikan dengan irama yang telah sedia ada seperti rebana besar.

Ada pula pendapat lain mengatakan bahawa Dikir Barat adalah permainan asli penduduk-penduduk Kelantan yang berasal dari gabungan berbagai-bagai jenis dikir yang lain, seperti Dikir Kebana (Dikir Besar), Dikir Laba, Dikir Rebana Kerching, Dikir Budak dan Pantun Inai.⁵

Tetapi terdapat satu pendapat yang paling banyak sumbernya mengatakan ia berasal secara langsung dari Siam. Pendapat ini banyak disokong oleh pendapat-pendapat lain yang mengatakan bahawa ia berasal dari daerah-daerah Siam. Pendapat ini diterima sebagai satu hipotesis buat masa ini. Daripada penjelasan ahli-ahli bedikir barat, anak tempatan yang mula-mula mengasaskan dan mempopularkan,

⁴ Mohammad Fausi Yunus, Dikir Barat : Satu Tanggapan Awal , Bengkel Seni Pentas Antara Universiti, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1987, m.s. 3

⁵ Ibid.

tian orang ramai. Improvisasi terhadap corak dikir tradisi inilah yang menelurkan satu bentuk kesenian yang kemudiannya terkenal sebagai Dikir Barat, kesenian selaju Kelantan yang walaupun baru ber-
usia 40 tahun, tetapi mempunyai pengaruh yang besar bila diukur da-
ri segi popularitinya. Dari sinilah Dikir Barat mula dikenali dan
diminati ramai.⁸

Anggapan " barat " kepada negeri Siam oleh orang-orang Ke-
lantan sendiri boleh menambatkan keyakinan kita yang Dikir Barat i-
ni datang dari negeri tersebut.⁹ Sudah menjadi kebiasaan bagi o-
rang-orang Kelantan, negeri Siam sebagai negeri barat. Dari mana a-
sal perkataan ini bermula, sekar dikesan. Andaian yang menyatakan,
kerana negeri Siam itu letaknya di sebelah barat negeri Kelantan a-
gak mengelirukan, sebab kalau dilihat dari peta, nyata ianya tidak
benar. Ianya lebih tepat terletak di sebelah utara. Namun begitu,
panggilan " barat " bagi negeri Siam oleh orang-orang Kelantan ma-
sih terdapat sehingga sekarang.¹⁰

Berdasarkan kepada huraian-huraian yang telah diterangkan
di dalam permasalahan pertama ini, penulis dapat membuat kesimpul-
an bahawa walaupun terdapat banyak pendapat tentang sejarah perkeg-

⁸ Ibid.

⁹ Mohammad b. Ibrahim, Dikir Barat, Latihan Ilmiah, Jabatan
Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, m.s. 20.

¹⁰ Ibid.

bangan Dikir Barat ini, tetapi hanya satu pendapat sahaja yang di
ngang oleh pengkaji-pengkaji Dikir Barat, kerana ianya lebih berte-
patan dengan fakta-fakta sejarah. Ianya diakui sendiri oleh penga-
nannya iaitu Mat Leh Tapang yang sempat ditemui oleh penulis di ke-
diamannya di Kota Bharu Kelantan.

B. Masalah kedua

Adapun masalah kedua yang menjadi objek penelitian dalam ka-
jian ini ialah bagaimanakah bentuk-bentuk permainan Dikir Barat i-
ni. Di sini penulis akan membentangkan data-data yang dapat dikum-
pulkan berkaitan dengan permasalahan ini. Metod-metod yang diguna-
kan ialah metod dokumentasi, metod interview dan metod observasi.

Di dalam membincangkan permasalahan ini, penulis akan menen-
gahkan aspek-aspek penting di dalam permainan Dikir Barat ini, ia
itu:

1. Juara.
2. Tukang Karut.
3. Awak-Awak.
4. Alat-alat musik.
5. Corak permainan Dikir Barat.
6. Tema lagu-lagu Dikir Barat.

Orang-orang di Selatan Siam lebih mengenali Dikir Barat se-
bagai Dikir Karut. Walaupun Dikir Karut ini sering juga digunakan,
tetapi ianya tidak begitu popular berbanding dengan nama Dikir Ba-

nt. Jadi di sini, perkataan karut dapat diertikan di dalam berbe-
-bagai interpretasi, di mana karut dalam pengertian asalnya ,
bererti bohong, dusta, tidak benar, kacau tidak tentu pasal dan i-
kut suka hati.¹¹

Permainan Dikir Barat merupakan satu permainan tradisional
baru bagi masyarakat Kelantan. Ianya berbeza dengan folklore[#]
tengah permainan tradisional yang lain, di mana ianya muncul
kalangan rakyat biasa, bukannya di kalangan orang-orang istana.¹²
ini penulis akan menerangkan dengan jelas aspek-aspek penting
dalam permainan ini, iaitu

a) Tukang Karut

Nama Tukang Karut ini diberikan oleh Mat Leh Tapang
di sananya. Dinamakan demikian kerana bertepatan dengan
peranan Tukang Karut yang mengarut lagu-lagu pantun sega-
ra spontan.¹³ Menjadi Tukang Karut yang baik merupakan ,
kebolehan asal seseorang kerana ianya bukanlah sesuatu
yang boleh dipelajari. Tukang Karut merupakan orang yang

¹¹ Wan Abdul Kadir, " Bentuk Yang Bebas, Sifat Yang Popular,
Dikir Barat," Dewan Budaya, Btl. 4, Jilid 4, April 1982, m.s.

[#] Cerita rakyat.

¹² Muhammed Fausi Yunus, op.cit, m.s. 2.

¹³ Temuramah Mat Leh Tapang, Panji, Kota Bharu Kelantan, 23-
Agos 1989, Jam 2.30 petang.

penting dalam satu-satu pasukan Dikir Barat. Baik baruknya satu-satu pasukan itu dinilai pada Tukang Karut. Seorang Tukang Karut yang baik mestilah mempunyai kebolehan dan kecekapan tertentu, terutama dalam menyusun kata-kata. Ia mesti berkebolehan mencipta dari ideanya sendiri secara spontan ketika mengarut. Susunan kata-kata bagi membentuk syair dan pantun yang tertentu adalah kebolehan yang hanya dapat dilakukan oleh orang-orang tertentu. Kebolehan Tukang Karut ini menyebabkan ia dikenali, dengan panggilan tertentu seperti Seman Wau Bulan, Dol - lah Kufut Malam, Awang Duyung dan lain-lain lagi.¹⁴

Tukang Karut ini tidak terikat dengan mana-mana pasukan. Ia boleh menyertai mana-mana pasukan. Ia lebih terkenal dari Juara dan bayarannya juga lebih mahal. Biasanya Tukang Karut membawa tema yang ada kaitan dengan pantun Juara. Ia akan mengarut sambil berdiri.¹⁵

b) Juara

Juara merupakan orang kedua pentingnya dalam persembahan Dikir Barat ini. Beliau lebih dikenali dengan panggilan Tok Jora. Ia merupakan pemimpin atau ketua ke-

¹⁴ Harian Nasional, op.cit, m.s. 3

¹⁵ Muhammad Fausi Yunus, op.cit, m.s. 6

pada sesuatu kumpulan Dikir Barat dan memainkan peranan, yang penting dalam mengajar Awak-Awak berdirir, memimpin serta mengendalikan kumpulannya. Dalam sesuatu persembahan, sebelum Tukang Karut memulakan karutnya, Juara memimpin Awak-Awak dengan berdirir buat beberapa ketika, sambil duduk sepanjang permainan. Suara Juara yang baik dan merdu akan menaikkan semangat Tukang Karut dan Awak-Awak.¹⁶

c) Awak-Awak

Awak-Awak ialah orang-orang berdirir dalam satu-satu permainan Dikir Barat. Kebiasaannya Awak-Awak ini, terdiri dari muda mudi bekas-tahun. Sebab itulah orang menamakannya budak-budak Dikir Barat.¹⁷

Secara relatif, Awak-Awak merupakan elemen ketiga diukur dari segi kepentingannya dalam sesuatu persembahan Dikir Barat.¹⁸ Mereka ini merupakan kumpulan yang terdiri dari 5 hingga 30 orang yang berdirir dalam satu-satu permainan Dikir Barat. Tugas mereka ialah mengikut atau mengulangi secara beramai-ramai senikata lagu-lagu, yang didendangkan oleh Juara dan Tukang Karut mereka ya-

¹⁶ Wan Abiul Kadir, op.cit, m.s. 7.

¹⁷ Harian Nasional, op.cit, m.s. 3

¹⁸ _____, Pementasan Dan Permainan Minggu Kesenian Kelantan, 1985 (1hb. - 7hb. September) Universiti Malaya, Kuala Lumpur, m.s. 2

ng melahirkan suara latar. Di dalam persembahan, Awak-Awak duduk dalam satu bulatan secara berkelompok supaya suara mereka berpadu. Mereka dikehendakki bertepuk tangan mengikut rentak tertentu seperti *asama hindustan*, *ag pin*, *Ghasal*, *pedang pasir* dan lain-lain. Dari segi pakaian pula, Awak-Awak akan mengenakan pakaian seragam yang merupakan baju melayu, seluar dan kain ikat kepala. Juara dan Tukang Karut pula akan memakai pakaian yang berbeza antara satu sama lain. Walau bagaimanapun, pakaian mereka lebih istimewa dari pakaian Awak-Awak. Mereka akan memakai tanjak di kepala.¹⁹

Gelaran Awak-Awak ini diambil dari nama kampung nelayan yang turun ke laut dalam perahu dibawah jagaan seorang ketua yang dipanggil "Jeragan". Keadaan ini disesuaikan dengan pelakuan Awak-Awak dalam permainan Dikir Barat yang di bawah ketua mereka iaitu Juara.²⁰

d) Alat-alat musik

Di awal perkembangan Dikir Barat, iaitu di zaman Mat Leh Tapang dahulu sekitar tahun 1940an, alat-alat musik yang digunakan di dalam permainan ini hanyalah tiga jenis sahaja iaitu 2 rebana ibu dan rebana anak, sebuah

¹⁹ Ibid.

²⁰ Muhammad Fauzi Yunus, op.cit., m.s. 2.

tetawak[#] (gong) dan satu alat yang dinamakan cherek.[#] Tetapi dari masa ke masa, ia telah mengalami improvisasi dengan penambahan beberapa alat-alat baru seperti canang sepasang rerumba dan kesi.[#] Seruling juga digunakan untuk disesuaikan dengan irama baru dan meninggikan lagi mutu musik.²¹

e) Corak permainan Dikir Barat

Di dalam permainan Dikir Barat ini terdapat dua bahagian yang kronologis dan iramanya agak berlainan di antara satu sama lain, walaupun dalam keadaan tertentu, terdapat persamaan-persamaan unsur. Bahagian - bahagian tersebut ialah dikir dan karut. Kedua - dua bahagian ini mesti hadir dalam sesebuah permainan Dikir Barat. Sekiranya tidak terdapat satu di antara kedua-duanya, maka permainan itu tidak lagi dikatakan Dikir Barat.²² Lagu-lagu

[#]Tetawak; diperbuat daripada perunggu berbentuk bulat. Dindingnya tebal berbusut di tengah-tengah permukaannya, picunya lebih tinggi dari gong agong. Biasanya ia digantung dan dipalu busutnya.

[#]Cherek; buluh yang digunakan untuk menguatkan bunyi.

[#]Kesi; 2 buah besi yang dilagakan untuk menjadikah musik Dikir Barat agar lebih solid.

²¹Mohammad Ibrahim, op.cit, m.s. 27

²²Temuramah Mat Leh Tapang, Panji, Kota Bharu Kelantan, 23-hb. Ogos 1989, jam 2.30 petang.

Juara ini lahir di Kelantan dan lagu-lagu karut pula lahir di Thailand. Gabungan di antara lagu-lagu juara dan lagu-lagu karut inilah yang dikatakan sebagai Dikir Barat.²³

Bahagian dikir ini juga dinamakan lagu juara (lagu Tok Jora). Ia dibawa oleh Juara. Juara di sini bukanlah bermaksud orang yang memenangi sesuatu pertandingan, atau perlawanan. Tetapi lebih bermaksud orang yang mengepalai sesuatu aktiviti, kerana makna ini lebih tepat dalam loghat Kelantan.

Lagu dikir itu merupakan bahagian yang mengepalai Dikir Barat. Ia juga merupakan bahagian pembukaan. Lagu-lagu dikir biasanya berbentuk pantun dan pantun-pantun i ni diciptakan sendiri oleh juaranya atau diambil dari pantun-pantun lama.²⁴

Pantun-pantun melayu asli sering terdapat di dalam permainan Dikir Barat suatu masa dahulu, tetapi sekarang ianya telah diciptakan sendiri. Antara contoh pantun-pantun melayu asli ialah;

Dua tiga kucing berlari,
manakan sama di kucing belang,
dua tiga boleh ku cari

²³ Temuramah Abdul Halim Yasid, Pegawai Pusat Kebudayaan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 23hb. Oktober 1989, Jam 3.30 petang.

²⁴ Muhammed Fausi Yunus, op.cit, m.s. 4.

manakan sama adik seorang.

Di peringkat awal kemunculan Dikir Barat, karut i ni sebenar tidak ada. Yang ada hanya dikir sahaja. Bahagian karut ini juga mengandungi unsur-unsur lain seperti menyindir, tuduh menuduh, keji mengeji dan sebagainya dengan tujuan untuk memburukkan pihak lawan. Matlamat asalnya bukanlah begitu, tetapi untuk menyindir masyarakat sekeliling, di samping untuk memberi hiburan.²⁵

Dikir dimulan dengan perlahan-lahan sahaja mengikut rentak suara. Lagu-lagu dikir yang didendangkan pada masa dahulu agak berlainan sedikit daripada apa yang ada pada masa sekarang. Pada masa dahulu, ia mengikut rentaknya sendiri, tetapi sekarang ini mereka sering membawa rentak berirama hindustan kerana mengikut selera penonton. Antara contoh lagu Juara dikir;

Dimanakkh kak ku cari ganti,
kekasih yang sudah pergi dari dunia ini,
walaupun masih ada pengganti,
namun tak sama dengan yang telah pergi.

Selepas Juara melagukan lagu tersebut, maka para pengikutnya menyanyikan lagu tersebut sambil bertepuk tangan. Kemudian Juara melagukan pantun yang keseterusnya, sehingga selesai. Tetapi pengikut-pengikutnya cuma menya

²⁵ Ibid.

nyikan rangkap pantun yang pertama seperti di atas tadi.

Apabila selesai bahagian lagu, akan disusuli pula oleh bahagian karut, di mana rentaknya lebih rancak dan lebih seronok didengar. Cara penyampaiannya agak berlainan sedikit daripada bahagian lagu. Dalam bahagian karut ini, ejekan dan menjawab ejekan kepada pasukan lawan dibuat. Di bawah ini ialah satu contoh seorang Tukang Karut A mengarut pantunnya dan bagaimana Tukang Karut B menjawab;

Tukang Karut A;

Assalamualaikum,

selamat male adik kakak,

kirin sale ko orghe kapong,

boleh kita berjumpa pulak.

Kemudian senikata lagu karut yang dilagukan ini akan diikuti oleh Awak-Awak dengan suara nyaring. Selepas sahaja Tukang Karut mengerut dan tiba pula kepada Tukang Karut B;

Sampai pula gilire ambo,

molek sungguh demo dikir,

betul jugak gapo dio kato,

sama-sama pakat pikir.

Pada pusingan yang penghabisan, Tukang Karut akan melagukan sebuah lagu yang berirama hindustan. Antara contoh yang terkenal dalam lagu-lagu di pusingan akhir seperti lagu Wau Bulan, yang disampaikan dalam loghat Kelantan. Kadang-kadang lagu-lagu di pusingan terakhir ini

disampaikan dalam irama Mak Yong. Apabila tibanya kepada lagu Wau Bulan ini, bermakna persembahan Dikir Barat ini hampir tamat. Antara contoh senikata lagu Wau Bulan;

Wau eiwau bule,
wau bule teraju tigo,

Pembayang maksud ini dinyanyikan oleh Tukang Ka -
rut dan diikuti oleh suara ramai, kemudian Tukang Karut
akan melagukan;

Meninggal kasih menolak sayang,
salah silap jangan disimpan di dada,

Kemudian lagu itu akan diikuti oleh suara ramai ,
iaitu suara Awak-Awak. Begitulah tamatnya persembahan Di
kir Barat.

Perkembangan lagu-lagu Juara dan lagu-lagu dikir,
yang berasaskan kepada pantun-pantun asli ini berkembang
di awal tahun 1950an dan 1960an. Di zaman inilah dapat
dilihat kemasyhuran Tukang Karut Mat Leh Tapang begitu
memuncak sekali. Dan permainan Dikir Barat di zaman ini
begiti berpengaruh sekali.

Tetapi di tahun 1970an, telah berlaku perubahan
akibat dari arus pemodenan yang berlaku di dunia hiburan.
Di mana dalam permainan Dikir Barat ini tidak sahaja ter
dapat pembaharuan dengan mengadakan lagi nyanyian. Lagu
nyanyian ini diambil dari mana-mana lagu yang telah se-
dia ada, kemudian dinyanyikan di dalam dialek Kelantan ,
dengan menggunakan alat-alat musik Dikir Barat. Ianya a

kan dinyanyikan oleh seorang penyanyi wanita dan Awak-Awak tidak akan mengikuti lagu-lagu nyanyian tersebut.

Kebiasaannya, lagu-lagu nyanyian ini dinyanyikan, selepas Juara melagukan lagu juara dan Tukang Karut ber-dikir karut slow. Kemudian tukang nyanyi akan menyanyi-kan apa-apa lagu yang disukainya di dalam dialek Kelan-tan. Selepas daripada itu, Juara sekali lagi akan berdi- kir lagu juara diikuti dengan karut oleh Tukang Karut . Begitu juga yang terjadi di pihak lawan.²⁶

Walaupun lagu-lagu Juara terdapat di dalam satu bentuk sahaja, tetapi dinyanyikan di dalam berbagai- ba- gai irama. Kebiasaannya, lagu-lagu juara ini dinyanyikan mengikut irama nasyid, padang pasir, dan melayu asli.²⁷ Manakala lagu-lagu karut pula pada asalnya hanya terda - pat dua jenis lagu mengarut sahaja, tetapi ia telah ber- kembang sehingga sekarang terdapat lebih 14 jenis lagu mengarut. Upamanya karut Kelantan cepat, karut Kelantan slow, karut patani, karut Wak Yeh, karut pendek, karut yengki cepat, karut yengki slow, karut yengki pertengah- an, karut a ding ding, karut selampit, karut senora, ka- rut jenaka, karut Makyong dan karut wau bulau.²⁸

²⁶ Temuramah Abdul Halim Yasid, Pusat Kebudayaan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 23hb. Oktober 1989, Jam 3.30 petang.

²⁷ Ibid.

²⁸ Wan Abdul Kadim op.cit., m.s. 7.

Manakala tema lagu-lagu Dikir Barat yang sering dibawa oleh Juara dan Tukang Karut dalam permainan ini, terdapat berbagai-bagai dan mencerminkan suasana semasa. Secara keseluruhannya, iaitu dari awal-awal kemunculan permainan Dikir Barat ini, sehinggalah sekarang tema yang sering dibawakan berkisar di sekitar cinta, kasih sayang, ugama, pembangunan keselamatan, isu semasa di tempat bermain dan juga siapakah penganjurnya. Sekiranya pihak kerajaan atau agensi-agensi kerajaan yang menganjurkannya maka tema yang dibawa mestilah berdifat propaganda ataupun pembangunan. Tetapi sekiranya permainan itu dianjurkan oleh individu atau orang perseorangan, temanya terdapat bermacam-macam, termasuklah lagu-lagu lukah.²⁹

Di zaman awal perkembangan Dikir Barat ini tidak terdapat tema-tema pembangunan atau propaganda ini. Tetapi setelah disedari bahawa Dikir Barat merupakan alat hiburan yang berpengaruh, maka pihak kerajaan menggunakan, tema-tema tersebut untuk kepentingan parti, misalnya sebagai saluran kempen pilihanraya.³⁰

Apabila melihat kepada perkembangan Dikir Barat dari dahulu sehinggalah sekarang, banyak terdapat peruba

²⁹ Muhammad Fausi Yunus, op.cit, m.s. 7.

³⁰ Temuranah Abdul Halim Yasid, Pusat Kebudayaan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 23hb. Oktober 1989, jam 3.30 petang.

berlaku sebaik sahaja Jepun menyerah kalah. Dari sini bermulalah konsep perlawanan di antara kumpulan Dikir Barat, walaupun perlawanan tersebut hanyalah merupakan perlawanan olok-olok.³²

Menurut Mat Leh Tapang, ramai di kalangan Tukang Karut hari ini tidak memahami hakikat ini. Mereka sewenang-wenangnya mengambil kesempatan menyerang penonton. Menurutnyalah lagi, hati penonton tidak patut kita lukakan, walaupun tujuan sebenarnya kita ialah untuk menyindir penonton. Jika keadaan seperti ini berlaku, lebih banyak buruk dari baiknya akan timbul. Mat Leh Tapang juga merasakan bahawa propaganda melalui akan hanya merosakkan Dikir Barat. Baginya banyak cara kita boleh menyokong sesuatu dasar atau rancangan dan biarlah Dikir Barat menjadi seni rakyat yang sebenar, bukan alat mana-mana golongan.³³

Melihat kepada tujuan asal permainan ini, pada awalnya merupakan satu hiburan yang diadakan di dalam majlis kenduri, majlis bertindik, majlis berkhatan atau majlis keramaian dan selalunya dipersembahkan di serambi atau di tepi-tepi jalan. Juara dan Tukang Karut menjadi wakil kepada tuan rumah di dalam majlis tersebut.

³² Johan Jaafar, op.cit., m.s. 32.

³³ Temuramah Mat Leh Tapang, Panji, Kota Bharu Kelantan, 23-

Setelah mengalami zaman kegemilangannya, kesenian Dikir Barat ini selain berfungsi sebagai satu alat hiburan, ia juga dianggap sebagai satu saluran untuk menyampaikan hasrat rakyat kepada pihak kerajaan atau hasrat pihak kerajaan kepada rakyat. Ia akan menjadi wakil kepada penduduk di sesuatu tempat di dalam menyampaikan apa yang terpendam di hati penduduk tempat mereka bermain.

Tetapi permainan Dikir Barat yang ada pada hari ini, telah jauh berbeza dengan permainan Dikir Barat yang ada di tahun-tahun 1950an dan 1960an dahulu. Semenjak adanya perubahan-perubahan di dalam permainan Dikir Barat ini, peminat-peminat kesenian ini, hanya menjadikan Dikir Barat sebagai satu alat hiburan dan untuk berseronok semata-mata.³⁴ Mereka sanggup menunggu persembahan yang bermula pada lewat malam, iaitu di antara jam 10 atau 11 malam, sehingga tamatnya persembahan iaitu kira-kira jam 4, 5 atau 6 pagi.³⁵

Walaupun permainan Dikir Barat merupakan suatu unsur budaya yang berfungsi memberi hiburan yang sangat popular di Kelantan, dalam hal-hal tertentu permainan Dikir Barat ini dapat dianggap sebagai modenisasi yang le-

³⁴ Temuramah Abdul Halim Yasid, Pusat Kebudayaan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 23hb. Oktober 1989, jam 3.30 petang.

³⁵ Temuramah Mohd. Din Awang, Gelanggang Seni, Kota Bharu Kelantan, 20hb Ogos 1989, jam 4.00 petang.

bih berkesan dan dapat meresap kepada orang ramai.

Berdasarkan kepada huraian-huraian yang telah dilakukan dengan panjang lebar tentang masalah kedua, iaitu bagaimanakah bentuk-bentuk permainan Dikir Barat ini dapatlah dibuat kesimpulan bahawa lagu-lagu Dikir Barat dapat menggambarkan corak budaya penduduk tempatan. Loghat Kelantan yang digunakan dengan mudah dapat menyampaikan makna dan maksud sesuatu yang ingin disampaikan. Pemilihan kata-kata daerah hendaklah tepat dan padat dengan maksud yang hendak disampaikan. Oleh kerana tradisi dikir ini dalam bahasa daerah maka sukar sekali untuk menyampaikan maksud yang tepat apabila di nyanyikan dalam bahasa melayu standard.

C. Masalah ketiga

Masalah ketiga yang menjadi objek penelitian kajian ini ialah bagaimanakah pandangan Islam tentang permainan Dikir Barat ini. Ia merupakan permasalahan yang penting untuk dibincangkan di dalam penulisan ini. Sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam bab 11, yang lalu, Landasan Teori, penulis telah menerangkan dengan panjang lebar berkaitan dengan kesenian di dalam Islam. Di sini, penulis akan mengaitkan sejauhmanakah permainan Dikir Barat ini menepati takrif kesenian di dalam agama Islam ini. Penulis menggunakan metod dokumentasi dan metod interview dalam usaha mengumpul data-data berkaitan dengan permasalahan ini.

Jika dilihat kepada bentuk-bentuk permainan Dikir Barat ini,

ianya banyak dipengaruhi oleh bentuk-bentuk permainan Dikir Laba yang lahir lebih awal daripada permainan Dikir Barat itu sendiri. Pada hakikatnya asas-asas permainan Dikir Barat ini diambil daripada Dikir Laba. Permainan Dikir Laba ini sangat terkenal terutamanya selepas perang dunia II di negeri Kelantan. Sebenarnya permainan Dikir Laba berasal dari Zikir Marhaban yang diadakan pada bulan Maulud atau disebut juga Zikir Asrakal Badrul Alaina, yang kemudiannya dibangunkan menjadi lagu-lagu karut. Daripada lagu-lagu karut yang didikirkan itulah lahirnya Dikir Laba.³⁶

Zikir Marhaban ini lebih dikenali di dalam masyarakat Melayu dengan menggunakan bahasa Arab, untuk memuji-muji Nabi Muhammad. Kemudian ianya diwarisi dari generasi ke generasi secara lisan, yang akhirnya disikatkan oleh orang-orang yang tidak tahu berbahasa Arab, tetapi mempunyai minat yang mendalam. Lama kelangannya, Dikir Marhaban ini telah berubah bentuknya, tetapi orang masih mengenalinya sebagai Dikir Marhaban. Sehingga salah seorang rakyat negeri Kelantan yang fasih berbahasa Arab mendengar dikir tersebut. Beliau mendapati bahasa yang digunakan di dalam Dikir Marhaban itu bukannya bahasa Arab. Sebaliknya beliau sendiri tidak tahu bahasa apa yang diperkatakan. Tetapi masyarakat di situ masih menerimanya sebagai dikir yang menarik, walaupun bukan Dikir

³⁶ Salleh b. Mohd, Akib, Unsur Permainan Masyarakat Melayu Kelantan, Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1971, m.s. 38.

Marhaban lagi. Oleh sebab itu ia dinamakan Dikir Laba kerana ia me
ngarut macam laba-laba.³⁷

Senikata karut yang terdapat di dalam Dikir Laba ini dikata
kan lahirnya karut yang ada dalam permainan Dikir Barat. Hingga ke
hari ini, masih ramai Juara dan Tukang Karut yang mengambil ilham
dari karut Dikir Laba ini. Ini bererti mengarut sudah ada sejak Di
kir Laba lagi. Jadi besar kemungkinan yang permainan Dikir Barat i
ni lahir dari inspirasi Dikir Laba. Dan kalau dilihat lama masa ba
gi mengadakan permainan ini, kedua-duanya hampir sama, iaitu bermu
la dari jam 10 malam sehingga sekitar jam 4 pagi.³⁸ Dan untuk mela
hirkkan gabungan suara yang benar-benar lantang, permainan Dikir La
ba ini memerlukan bilangan yang ramai iaitu antara 30 hingga 40 o-
rang. Tetapi lama kelamaan, keadaan seperti ini juga terdapat di
dalam permainan Dikir Barat.³⁹

Nelihat kepada bentuk-bentuk permainan Dikir Barat di hari
ini, sememangnya terdapat banyak aspek-aspek yang bertentangan den
gan nilai-nilai kesenian Islam. Untuk melahirkan satu bentuk kese
nian yang bertepatan dengan ciri-ciri Islam, setiap aspek di dalam
permainan Dikir Barat ini hendaklah dikaji dan dianalisa agar ti
dak diselewongkan dari konsep agama yang asal.

³⁷ Pementasan Dan Permainan Minggu Kesenian Kelantan, op.cit
m.s. 1

³⁸ Muhammad Ibrahim, op.cit, m.s. 39.

³⁹ Pementasan Dan Permainan Minggu Kesenian Kelantan, op.cit
m.s. 1.

Berdasarkan kepada definisi yang telah diberikan dapat difahami, bahawa permainan tradisional Dikir Barat ini merupakan satu kesenian yang telah diselewengkan daripada konsep asalnya. Asal perkataan " sikir " ini bertujuan untuk memuji-muji dan mengagungkan Nabi Muhammad s.a.w. Tetapi lama kelamaan, ianya telah mengalami perubahan dan lebih condong ke arah berbentuk hiburan. Dari sini timbulnya permainan Dikir Laba ini. Dan kemudiannya kesenian ini telah diperkembangkan dan segala perubahan yang berlaku, semata mata sebagai satu alat hiburan dan untuk berseronok semata-mata.⁴⁰

Di dalam permainan Dikir Barat ini, perlulah terlebih dahulu difahami apakah yang dikonsepsikan oleh orang melayu Kelantan, tentang permainan. Dalam loghat Kelantan, Permainan disebut sebagai " maenae ". Konsep ini merupakan suatu konsep yang umum, di mana maenae ini merangkumi semua jenis permainan dan pertunjukkan. Dengan kata lain, maenae bagi orang-orang Kelantan ialah kegiatan-kegiatan pengisi masa lapang yang mempunyai unsur-unsur hiburan dan menimbulkan keseronokan.⁴¹

Menurut agama Islam, kesenian yang diharuskan adalah seni untuk pengabdian kepada Allah dan berhikmah untuk manusia. Dan dari perkataan maenae dalam dialek Kelantan ini, sudah cukup untuk

⁴⁰ Temuramah Abdul Halim Yazid, Pusat Kebudayaan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 23hb. Oktober 1989, jam 3.30 petang.

⁴¹ Hashim Awang A.R, " Permainan Tradisi Kelantan: Semakin Luput Ditelan Zaman ", Dewan Budaya, Bil.6, Jilid 9, 1987, m.s. 33.

difahami bahawa ianya merupakan satu kegiatan yang tidak diharuskan oleh agama Islam untuk dijalankan. Ini disebabkan oleh konsep maenae itu hanya bertujuan sebagai satu hiburan dan untuk berseronok semata-mata. Keadaan seperti ini sudah pasti akan melalaikan sesiapa sahaja yang mengikuti permainan tersebut dari mengingati Allah dan mematuhi perintah-perintahnya. Ini jelas menunjukkan bahawa kesenian di dalam permainan Dikir Barat ini telah diselewengkan daripada konsep kesenian yang sebenarnya di dalam agama Islam. Lantaran itu, menurut agama Islam kesenian yang diharuskan adalah, seni untuk pengabdian kepada Allah dan berhikmah untuk manusia. Dan setiap kesenian yang melewati batas-batas yang dibenarkan oleh syarak, boleh dihukumkan haram.⁴² Ini dapat dijelaskan lagi melalui firman Allah s.w.t di dalam surah Luqman ayat 6 yang berbunyi:

وَمِنَ النَّاسِ مَن يَشْتَرِي لَهْوَ الْحَدِيثِ لِيُضِلَّ عَن سَبِيلِ اللَّهِ بِخَيْرٍ
 عِلْمٍ وَيَتَّخِذَهَا هُزُوًا أُولَٰئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ مُّهِينٌ . (لقمان 6)

Ertinya: " Dan di antara manusia yang memiliki serta membelanjakan hartanya kepada cerita-cerita dan perkara-perkara hiburan yang melalaikan lagi menyesatkan (dirinya dan orang ramai), daripada agama Islam dengan tidak berdasarkan sebarang pengetahuan dan memperolokkan jalan Allah. Mereka itu a

⁴² Temuramah Ustas Hassan Mat Leh, Pensyarah Akademi Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 27hb. Oktober 1989, Jam 9 pagi.

kan memperoleh asab yang menghinkakan."⁴³

Ibnu Wahab meriwayatkan dari Malik b. Anas dari Muhammad b. Nunkadir, bahawa Allah s.w.t berfirman pada hari kiamat yang bermaksud: "Orang-orang yang menghindarkan diri dan telinganya dari permainan dan serunai syaitan, masuklah mereka ke dalam taman kasturi."⁴⁴

Begitu juga dengan tema-tema yang sering dibawa oleh Juara dan Tukang Karut Dikir Barat ini. Meskipun terdapat tema-tema berbentuk dakwah yang dibawakan oleh mereka, namun ianya bukanlah menjadi fokus utama di dalam permainan Dikir Barat ini. Mungkin atas permintaan pihak penganjur, maka Juara dan Tukang Karut membawakan tema-tema sedemikian rupa, sekalipun pengetahuan mereka yang cetek dalam bidang tersebut kadang-kadang terdapat di kalangan Tukang Karut yang menggunakan ayat-ayat Al Quran untuk menguatkan hujah-hujah karut mereka. Keadaan seperti ini sudah tentu tidak bersesuaian langsung dengan kesucian dan kemurnian Al Quran di sisi Allah. Dan sekaligus menjadikan permainan Dikir Barat itu tidak digalakkan menurut agama Islam. Lebih-lebih lagi apabila terdapat segolintir daripada Tukang Karut yang menyelitkan lagu-lagu lucah di da-

⁴³H. Zainuddin Hamidy, Fachruddin Hs, Al Quran Dan Terjemahan, Cetakan Pertama 1987, Percetakan Nahdi, Pulau Pinang, m.s.596.

⁴⁴Drs. Sidi Gazalba, Islam Dan Kesenian, Cetakan Pertama, Pustaka Al Husna, Jakarta, 1978, m.s. 14

lam permainan Dikir Barat ini.⁴⁵ Dalam ejekan pantun yang dituju-
kan kepada pihak lawan, selalunya mencarut atau mengeluarkan per-
kataan-perkataan yang kotor, tetapi ini tidaklah ditujukan kepada
semua. Seharusnya rangkap-rangkap pantun itu digantikan dengan na-
sihat-nasihat selaras dengan pembangunan negara kerana hiburan ada-
lah salah satu unsur yang dapat mempengaruhi para pendengar.⁴⁶

Ini jelas menunjukkan penyelewengan kesenian Dikir Barat da-
ripada bentuknya yang asal dan semakin jauh dari nilai-nilai keis-
laman. Dan permainan Dikir Barat yang berbentuk beginilah yang di-
teguh dan dilarang untuk kita mendengar dan mengikutinya. Sebagai-
mana yang terdapat di dalam firman Allah s.w.t surah Al Qasas ayat

55: رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ ، وَإِذَا سَمِعُوا اللَّغْوَ أَعْرَضُوا عَنْهُ وَقَالُوا إِنَّا أَعْمَالُنَا وَرَبِّكُمْ
أَعْمَالُكُمْ سَلَامٌ عَلَيْكُمْ لَا نَبْتَغِي الْجَاهِلِينَ ،

Ertinya: " Apabila mereka mendengar perkataan yang sia-sia,
mereka berpaling daripadanya sambil berkata: ba-
gi kami amalan kami dan bagi kamu amalan kamu.
Kami tidak ingin berdamping dengan orang - orang
yang jahil."⁴⁷

⁴⁵ Temuramah Mat Leh Tapang, Panji, Kota Bharu Kelantan, 23-
hb. Ogos 1989, Jam 2.30 petang.

⁴⁶ Mohamad Nor Mat Yasim, op.cit, m.s. 56.

⁴⁷ H. Zainuddin Hamidy, Fachruddin Hs, op.cit, m.s. 569.

Dikir Barat yang dapat digolongkan dalam kumpulan lagu-lagu berbentuk etnik melayu yang dipersembahkan bersama-sama dengan alat-alat musiknya. Meskipun terdapat dalil-dalil yang menunjukkan, bahawa Rasulullah membenarkan para sahabat memukul gendang atau rebana dan perbuatan tersebut tergolong sebagai satu kegiatan musik, namun begitu jika dibandingkan kehidupan saman dahulu dengan hari ini, banyak aspek kehidupan yang berbeza. Begitu juga dengan musik.⁴⁸

Antara dalil yang mengharuskan nyanyian dan musik ini ialah:

عن عائشة رضي الله عنها قالت: دخل أبو بكر وعندي جاريتان من جوارى الأنصار تغنيان بما نفا ولت الأنصار يوم بعات، قالت لبيتا بمغنينين، فقال أبو بكر: أمر أمير العيطان في بيت رسول الله صلى الله عليه وسلم، وذلك يوم عيد، فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم: يا أبا بكر، إن لكل قوم عيداً وهذا عيدنا.

Ertinya: " Dari Aisyah r.a berkata: " Abu Bakar telah datang ke rumah Rasulullah s.a.w. Ketika itu bersama Aisyah ialah dua orang perempuan sedang menyanyi sambil memukul rebana. Abu Bakar menegah perbuatan mereka dengan berkata; " Adakah seruling syaitan berada dalam rumah Rasulullah"? Rasulullah s.a.w menjawab; " Wahai Abu Bakar, biarkanlah mereka, kerana setiap kaum itu ada hari untuk mereka bergembira. Dan hari ini adalah hari bergembira

⁴⁸ Datuk Abu Hassan Din Al Hafiz, " Musik Menurut Pandangan Islam ", Dewan Siswa, Bil. 11, Jilid 10, November 1988, Dewan Budaya Dan Pustaka, Kuala Lumpur, m.s 1

Apabila dibandingkan dengan musik pada zaman Rasulullah s. w. w dengan musik pada masa kini, perbedaannya begitu ketara. Hari ini kita dihadang dengan pelbagai jenis alat moden yang tidak ada pada zaman Rasulullah s. a. w. Inilah yang menyulitkan para ulama untuk membuat penentuan sama ada penggunaan alat-alat musik moden ini harus atau haram. Begitu juga dengan alat-alat musik yang digunakan di dalam permainan Dikir Barat ini. Dan sejak akhir-akhir, ini, gitar dan seruling sering digunakan di dalam sesetengah kumpulan Dikir Barat. Jika berpandu kepada dalil-dalil yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim itu, jelas menunjukkan bahawa memainkan gendang dan rebana adalah diharuskan, kerana ia terdapat di zaman Rasulullah s. a. w. Tetapi timbul pula pertanyaan, adakah gendang dan rebana yang terdapat di zaman Rasulullah s. a. w itu sama, dengan gendang dan rebana yang terdapat di dalam permainan Dikir Barat ini.⁵⁰

Dalam menentukan hukum halal dan haram, kita perlu menimbangkan dua perkara. Pertama, berhubung dengan masalah mendengar musik dan kedua, berhubung dengan bernyanyi alat-alat bermusik. Para ulama membuat keputusan bahawa mendengar secara terus atau melalui

⁴⁹ Mohammad Nawawi b. Haji Ahmad, Nyanyian Dan Musik Menurut Perspektif Islam, Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, m.s. 60 - 61.

⁵⁰ Datuk Abu Hassan Din Al Hafiz, op.cit., m.s. 1.

alat-alat elektronik diharuskan dengan syarat tidak melalaikan, tidak menimbulkan keburukan seperti merosakkan akhlak. Ini bererti, bahawa hukum harus di sisi adalah bersyarat. Jadi apabila menghayati musik, kita akan lalai dan beriak keruntuhan akhlak, maka mendengar musik adalah haram. Begitu juga dengan mendengar dan menghayati permainan Dikir Barat ini, kerana ia juga dapat digolongkan, di dalam musik tradisional melayu.⁵¹

Lantaran sukar untuk menentukan hukum, ada ulama mengambil jalan tengah. Mereka mengambil kira beberapa unsur sampingan yang timbul hasil daripada permainan musik ini. Kita perlu mengkaji apakah tujuan sebenar permainan Dikir Barat dan cara persembahannya. Kesan sampingan dari sudut positif atau negatif yang perlu diambil kira. Apakah dengan permainan Dikir Barat ini seseorang itu akan lalai atau tidak.

Walau bagaimanapun, apabila kita melihat perkembangan musik dan permainan Dikir Barat ini, secara spontan kita boleh menghukumkan bahawa ia tidak diharuskan di dalam Islam. Permainan Dikir Barat yang ada pada hari ini mengandungi unsur-unsur yang mungkar. Ia bukan sahaja sebagai hiburan, malah untuk tujuan perdagangan, publisiti dan propaganda yang dijalankan untuk kepentingan mana-mana pihak. Ketika persembahan dijalankan, kadang-kadang berlaku pergaduhan atau perlakuan kurang sopan. Sebagaimana yang dijelaskan,

⁵¹ Ibid.

permainan Dikir Barat sering dijalankan secara perlawanan di antara kedua-dua pasukan. Maka berlakulah perang mulut di antara kedua-dua pasukan ini, seperti kata mengata dan caci mencaci. Sebenarnya perbalahan tersebut, hanyalah perbalahan olok-olok sahaja, tetapi para peminat Dikir Barat yang terlalu taasub dengan mana-mana pihak akan menunjukkan rasa tidak puas hati mereka dengan apa cara sekalipun. Adakalanya perbalahan tersebut menjadi perbalahan yang sebenar.⁵² Baginda Rasulullah s.a.w bersabda:

وذروا المراء . لقله خير و ذروا المراء فان نغمه قليل وان
بيح العداوة بين الكفران .

Ertinya: " Tinggalkanlah pertengkaran dan berbantian, kerana na amat sedikit sekali kebaikannya. Hindarkan - lah pertengkaran dan berbantah-bantah, kerana ti dak seberapa manfaatnya. Malah ia akan menarik , kepada permusuhan dan perselisihan antara sesama saudara."⁵³

Terdapat juga dalil daripada kaedah fiqhiah yang menerangkan - kan permasalahan ini ialah:

اذا اجتمع الحلال والحرام غلب الحرام .

Ertinya: " Apabila berkumpul yang halal dengan yang haram , maka dimenangi yang haram."⁵⁴

⁵² Ibid.

⁵³ Imam Ghasali, Alihbahasa Syed Ahmad Semait, Bimbingan Mu' minin, Jilid 1, Pustaka Nasional Pte Ltd, Singapura, Cetakan Keenam, M.s. 279.

⁵⁴ Mohammad Nawawi Haji Ahmad, op.cit, m.s. 118.

Antara bunyi-bunyian yang diharamkan adalah duf (kumpang dan rebana), pada hari-hari tertentu misalnya ketika perkahwinan, dan hari raya. Sedangkan bunyi-bunyian yang diharamkan ialah mas-sif, iaitu bunyi-bunyian yang telah menjadi lambang minuman arak.⁵⁵

Keadaan ini lebih ketara apabila munculnya tukang nyanyi wanita di dalam permainan Dikir Barat ini. Tukang nyanyi wanita ini bukan sahaja menggoda penonton, malah anggota kumpulan Dikir Barat itu sendiri. Dan apabila kita mengambil kira tentang nyanyian yang dibawa oleh tukang nyanyi yang diiringi oleh alat-alat muzik, seni kata lagu yang dibawa olehnya, bagaimana bentuk pakaian yang dipakai oleh penyanyi tersebut dan cara persembahannya, sudah tentu orang yang jahil pun tidak berani mengatakan bidang nyanyian seperti itu harus hukumnya. Nyanyian tukang nntanti itu keseluruhannya meminjam irama pop, dangdut, hindustan atau Thailand.⁵⁶ Pendapat Imam Asyafi berdasarkan hadis Nabi s.a.w, riwayat Ibnu Ghailan yang berbunyi:

كِبَ الْمُنْجِي وَالْمُنْبِي حَرَامٌ .

Ertinya: " Pendapatn penyanyi lelaki dan perempuan itu adalah haram."⁵⁷

Dan telah nyata bagi wanita-wanita yang mendedahkan aurat mereka adalah haram. Begitu juga dengan cara suara wanita adalah

⁵⁵Sidi Gasalba, op.cit, m.s. 140.

⁵⁶Ladin Nauwi, Watan, Selasa 7hb. November 1989, m.s. 20.

⁵⁷Mohammad Nawawi Haji Ahmad, op.cit, m.s. 107.

Antara bunyi-bunyian yang diharamkan adalah duf (kempang dan rebana), pada hari-hari tertentu misalnya ketika perkahwinan, dan hari raya. Sedangkan bunyi-bunyian yang diharamkan ialah ma - sis, iaitu bunyi-bunyian yang telah menjadi lambang minuman arak.⁵⁵

Keadaan ini lebih ketara apabila munculnya tukang nyanyi wa nita di dalam permainan Dikir Barat ini. Tukang nyanyi wanita ini bukan sahaja menggoda penonton, malah anggota kumpulan Dikir Barat itu sendiri. Dan apabila kita mengambil kira tentang nyanyian yang dibawa oleh tukang nyanyi yang diiringi oleh alat-alat muzik, seni kata lagu yang dibawa olehnya, bagaimana bentuk pakaian yang dipa- kai oleh penyanyi tersebut dan cara persembahannya, sudah tentu o- yang jahil pun tidak berani mengatakan bidang nyanyian seperti itu harus haramnya. Nyanyian tukang nanti itu keseluruhannya meminjam irama pop, dangdut, hindustan atau Thailand.⁵⁶ Pendapat Imam Assya fei berdasarkan hadis Nabi s.a.w, riwayat Ibnu Ghailan yang berbun- yi:

كِبِ الْمُنْثِي وَالْمُنْثِيَةَ حَرَامٌ .

Ertinya: " Pendapatn penyanyi lelaki dan perempuan itu ada- lah haram."⁵⁷

Dan telah nyata bagi wanita-wanita yang mendedahkan aurat mereka adalah haram. Begitu juga dengan cara suara wanita adalah

⁵⁵Sidi Gasalba, op.cit, m.s. 140.

⁵⁶Ladin Nauwi, Watan, Selasa 7hb. November 1989, m.s. 20.

⁵⁷Mohammad Nawawi Haji Ahmad, op.cit, m.s. 107.

haram hukumnya diperdengarkan kepada mereka yang bukan muhrimnya.

Ini ternyata di dalam firman Allah s.w.t surah An Nur ayat 31:

وَقُلْ لِلرِّسَالِ بَعْضٌ مِمَّا تَصَارِعُونَ ۚ مَحْطَرٌ فَرُوجُهُمْ وَلَا يَدِيرُ رِيثَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ
مِنْهَا وَلَعَلَّكُمْ تَعْرَفُونَ ۚ وَلَا يَدِيرُ رِيثَهُنَّ إِلَّا أَوْلِيَهُنَّ أَوْ آبَاؤُهُنَّ أَوْ إِخْوَانُهُنَّ

Artinya: " Katakalah kepada wanita-wanita yang beriman hendaklah mereka memelihara kemaluannya dan janganlah mereka menampakkan perhiasannya kecuali apa yang biasa nampak daripadanya, Dan hendaklah mereka menutup kain-kain tudung ke dadanya dan janganlah menampakkan perhiasannya kecuali kepada suami mereka, bapa mereka dan bapa suami mereka. "58

Dan jika kita meneliti lagu-lagu di dalam permainan Dikir barat ini, ahli-ahli dikir akan bertepuk tangan dengan sekunt mungkin untuk menaikkan semangat ahli-ahlinya semasa berdikir. Sedangkan melalui kajian yang dijalankan oleh penulis, pada masa dahulu, tidak terdapat tepuk tangan di dalam permainan Dikir Barat ini. Tangan cuma dileyapkan di pipi, sebagaimana kelakuan orang yang sedang membaca Al Quran. Pada zaman awal kelahiran Dikir Barat ini, ahli-ahli kumpulan Dikir Barat ini menggunakan buloh yang dinamakan " cheroh " dan hanya seorang sahaja yang memegang alat tersebut dengan menjatuhkan buloh tersebut untuk menghasilkan satu bunyi yang kunt. Tetapi pada hari ini, tepuk tangan telah diperkenalkan

58 H. Zainuddin Hamidy, Fachruddin Hs, op.cit., m.s. 503.

kan untuk menggantikan peranan buloh tersebut agar beresuaian dengan irama baru. Ini kerana pada masa dahulu, permainan Dikir Barat ini bertunjangkan orang-orang yang berpendidikan sekolah agama atau pondok. Bertepuk tangan sebenarnya tidak digalakkan di dalam agama Islam. Oleh kerana permainan Dikir Barat telah mengalami proses perubahan masa, tepuk tangan telah diperkenalkan, kerana orang-orang yang menganggotai kumpulan Dikir Barat ini bukan lagi bertunjangkan orang-orang yang berpendidikan sekolah agama atau pondok, malahan terdiri di kalangan muda mudi yang mencari keseronokan dan kurang pengetahuan mereka dalam bidang agama.⁵⁹

Semenangnya permainan Dikir Barat ini mempunyai ramai bilangan peminat-peminatnya di negeri Kelantan terutamanya di zaman kegemilangannya. Ada yang sanggup berbasikal sejauh 15 batu, semata-mata untuk melihat permainan Dikir Barat ini. Terdapat setengahnya pula membawa tikar dan bantal untuk menyaksikan persembahan Dikir Barat ini. Ini adalah kerana permainan Dikir Barat akan bermula apabila larut malam iaitu kira-kira pukul 10 malam sehingga ke pagi. Sewaktu menyaksikan permainan Dikir Barat ini, sudah pasti berlakunya percampuran di antara lelaki dan perempuan. Lantaran tidak semua peminat-peminat Dikir Barat ini terdiri dari satu jenis, sama ada lelaki atau perempuan sahaja. Dan di kesempatan ini, ramai anak-anak muda yang mengambil kesempatan sama ada untuk menguak gadis-gadis

⁵⁹ Temuranah Mat Leh Tapang, Panji, Kota Bharu Kelantan, 23-hb. Ogos 1989, Jam 2.30 petang.

dis atau untuk berdua-duaan.⁶⁰ Pergaulan bebas di antara lelaki dan perempuan ini memudaratkannya tidak digalakkan di dalam Islam. Ke rana ini akan menghamparkan mereka kepada perbuatan sine atau perbu aitan-perbuatan lain yang diharamkan oleh Allah. Selain daripada itu, ia juga akan melalaikan mereka dari mengingati Allah, apabila terlalu asyik dengan nyanyian Dikir Barat ini, lebih-lebih lagi lagu-lagu dikir yang agak sencarut dan lucu. Masa yang mereka habiskan untuk mendengar nyanyian Dikir Barat ini akan berlalu begi tu sahaja tanpa memberi faedah kepada diri mereka sendiri. Sekira ranya terdapat kemanfaatannya, tetapi yang nyatanya, kemudharatan itu lebih ketara daripada manfaatnya. Oleh yang demikian, sesuatu perkara yang lebih banyak mudharatnya, lebih baik kita tinggalkan sahaja, kerana itu adalah sebaik-baik petunjuk yang Allah berikan kepada kita semua. Sesungguhnya Allah s.w.t menyuruh yang baik dan melarang perkara-perkara yang buruk. Suruhan dan larangan Tuhan itulah yang membentuk syariat, berlaku dalam agama dan kebudya aan, juga di dalam kesenian.⁶¹ Sebagaimana terdapat di dalam firman Allah s.w.t surah Ali Imran ayat 112 yang berbunyi:

ضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الذَّلَّةُ أَيْنَ مَا تُغْتَابُوا إِلَّا بِجَمَلٍ مِّنَ اللَّهِ وَحَسْبٍ مِّنَ النَّاسِ

Ertinya: " Ditimpa kehinaan (hilang kekuasaan) di mana saha ja mereka berada, selain daripada mereka yang

⁶⁰ Temuramah Mohd. Din b. Awang, Gelanggang Seni, Kota Bharu Kelantan, 20hb. Ogos 1989, Jam 4.00 petang.

⁶¹ Sidi Casalba, op.cit, m.s. 54.

menjaga hubungan dengan Allah dan hubungan dengan manusia."⁶²

Dan firman Allah lagi dalam surah Al A'raf yang berbunyi:

إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُتْرِبِينَ ﴿٦٣﴾

Ertinya: " Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampaui batas."⁶³

Selain dari itu, terdapat juga di kalangan Tukang Karut dan Juara yang menggunakan unsur-unsur spiritual atau ilmu-ilmu ghaib di dalam permainan Dikir Barat. Unsur-unsur spiritual yang digunakan ini dijadikan sebagai pakaian diri seperti untuk menjaga suara, menentukan masa yang baik untuk turun dari rumah ke tempat permainan, persediaan bagi menghadapi perbalahan yang mungkin berlaku, mengelakkan diri dari terkena racun dan juga untuk menjaga semangat mereka ketika bermain. Tidak ke semua di kalangan pemakai-pemakai ilmu ini yang menggunakannya mengikut cara yang betul, kerana terdapat di antara mereka yang menggunakan ilmu-ilmu tersebut dengan niat untuk melemahkan pihak lawan di dalam satu-satu pertandingan Dikir Barat. Salah satu daripada cara untuk melemahkan pihak lawan ialah dengan cara mengkhianati suara pihak lawan, supaya tidak merdu lagi. Walaupun kesan atau padah terhadap orang yang terkena ilmu-ilmu ghaib hanya sementara sahaja, tetapi Islam sama sekali ti-

⁶² H. Zainuddin Hamidy, Fachruddin Hs, op.cit, m.s. 87.

⁶³ Ibid, m.s. 213

62
63
64
65
66
67
68
69
70
71
72
73
74
75
76
77
78
79
80
81
82
83
84
85
86
87
88
89
90
91
92
93
94
95
96
97
98
99
100

tidak membenarkan penganut-penganutnya menganiayai sesama makhluk Al
lah. Ini kerana perbuatan khianat ini lahir dari perasaan hasad
dengki dan iri hati terhadap kejayaan orang lain.⁶⁴

Sikap seperti ini memangnya dilarang sama sekali oleh aga
ma Islam keatas penganut-penganutnya dari terus mengamalkan perbu
tan tersebut. Perbuatan tersebut bukan sahaja mendatangkan dosa ke
pada pelakunya, kerana memutuskan silaturrahim sesama insan, teta
pi juga akan merosakkan lagi kesenian tersebut yang menjadi kebang
gaan rakyat Cik Siti Wan Kembang sehingga ke hari ini.⁶⁵

Junjungan besar Nabi Muhammad s.s.w bersabda:

المسلم اخو المسلم لا يظلمه ولا يحرمه ولا يبدله بحب المرء
من القران يحقر اخاه المسلم .

Artinya: " Sesungguhnya muslim adalah saudara kepada muslim
yang lain, tidak boleh menganiayai atau mengha
langi keperluannya atau menghina. Memadailah
seseorang itu dikira jahat, apabila ia menghina
saudaranya muslim yang lain."⁶⁶

Dan sabdanya lagi:

لا تدايروا ولا تباغضوا ولا تحادروا ولا تقاتلوا وكونوا عباد
الله اخوانا .

⁶⁴ Temuranah Abd. Halim Yazid, Pusat Kebudayaan, Universiti
Malaya, Kuala Lumpur, 23hb. Oktober 1989, Jam 3.30 petang.

⁶⁵ Ibid.

⁶⁶ Imam Ghasali, op.cit, m.s. 279.

Ertinya: " Janganlah kamu bermusuhan-musuhan, jangan benci membenci, jangan dengki mendengki dan jangan memutuskan hubungan antara satu dengan yang lain dan jadilah kamu sekalian sebagai hamba-hamba Al lah yang bersaudara mara."⁶⁷

Berdasarkan kepada data-data dan huraian-huraian yang telah diterangkan terhadap permainan ini, dapat dirumuskan bahawa permainan Dikir Barat sebenarnya lahir dari inspirasi permainan Dikir Laba, Namun disebabkan oleh arus pemodenan, telah menyebabkan berlakunya banyak perubahan di dalam permainan tersebut. Sehingga melahirkan bentuk-bentuk permainan Dikir Barat seperti yang ada pada hari ini. Dan yang nyatanya, permainan Dikir Barat yang ada pada hari ini, bertentangan dengan nilai-nilai kesenian dalam agama Islam, setelah ditinjau setiap aspek di dalam permainan tersebut. Langkah-langkah yang sewajarnya hendaklah diambil untuk membendung setiap kemungkaran yang terdapat di dalam permainan ini dari terus berleluasa. Terutamanya dari pihak kerajaan.

⁶⁷ Ibid.